



"MEMAHAMI MAKNA PERISTIWA HIJRAH RASUL".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ٢١٨</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Khatib ingin berpesan buat hadirin sekalian agar sama-samalah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya dan keimanan yang teguh akan menjadikan kita hamba yang berjaya di dunia dan juga di akhirat kelak.</p>	5
<p>Pada hari yang penuh keberkatan ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "MEMAHAMI MAKNA PERISTIWA HIJRAH RASUL".</p> <p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p>	6
<p>Perjalanan hijrah Nabi Muhammad SAW ialah suatu perjalanan kemenangan Islam. Perjalanan yang diperintahkan oleh Allah SWT yang sudah tentu bukan sebuah perjalanan pelarian seperti yang difahami oleh sesetengah pihak. Jika pun ada konspirasi untuk membunuh Nabi Muhamaad SAW ia bukanlah faktor utama kerana ia adalah perjalanan ketaatan kepada Allah SWT.</p>	7



<p>Perjalanan Hijrah Nabi Muhammad SAW yang penuh berliku ialah episod pengorbanan dan kejayaan seorang Rasul pembawa obor keimanan. Kesusahan dan kepayahan yang dilalui merupakan cabaran yang mesti dilalui demi ketaatan kepada Allah SWT walaupun terpaksa meninggalkan sanak saudara dan harta benda. Namun rahmat Allah dan keampunan-Nya bakal menantinya nanti.</p>	8
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 218 yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”</i></p> <p>Hadirin sidang Jumaat sekalian,</p>	9
<p>Peristiwa Hijrah Rasul yang menjadi inspirasi kepada ummah mempunyai pelbagai hikmah dan pengajaran. Ia merakamkan betapa besar maknanya perintah Hijrah ini dalam kelangsungan membawa syiar Islam sebagai agama tauhid. Malah kejayaan dakwah Nabi Muhammad SAW amat berkait rapat dengan strategi khususnya dalam menjawab sebarang tohmahan musuh-musuh Islam terhadap usaha dakwah Nabi SAW.</p>	10



<p>Peristiwa Hijrah mencerna minda kita bahawa betapa perancangan yang teratur dan strategik menjadikan rancangan Hijrah itu berjalan dengan begitu sempurna disebalik dugaan yang mendatang. Lihat sahaja bagaimana tokoh-tokoh penting dalam hijrah Nabi SAW sebagai pembantu-pembantu Nabi yang pintar dalam strategi risikan dan perang saraf, bantuan makanan dan lain-lain lagi yang mesti kita singkap peranan dengan mengkajinya. Tokoh seperti Saidina Abu Bakar RadhiAllahu Anhu, Saidatina Aisyah RadhiAllahu Anha, Asma' binti Abu Bakar, Saidina Umar Al-Khattab, Abdullah bin Abu Bakar, Saidina Ali bin Abi Talib dan ramai lagi sahabat RadhiAllahu Anhum Ajmain.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p>	11
<p>Selain itu antara perkara yang mesti diperhati dan dipraktik ialah penggunaan Takwim Hijrah dalam kehidupan harian kita. Masih ramai lagi yang tidak fasih dan tidak tahu tentang nama-nama bulan dalam kalendar hijrah. Bermula dengan Muharram, Safar, Rabi'ul Awwal, Rabi'ul Akhir, Jumadal Ula, Jumadal Akhirah, Rajab, Sya'ban, Ramadhan, Syawwal, Zulqa'dah dan Zulhijjah. Memang tidak salah menggunakan kalendar Miladi tetapi Kalendar Hijrah itulah sebenarnya identiti kita sebagai umat Islam.</p>	12
<p>Melihat kepada pentingnya kalendar hijrah kepada umat Islam, sepatutnya umat Islam mengambil roh hijrah dalam kehidupan seharian. Ini kerana berhijrah bukan sahaja berpindah daripada satu tempat ke satu tempat lain tetapi juga hijrah kepada yang lebih baik dan meninggalkan segala larangan Allah Taala.</p>	13
<p>Diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amru RadiAllahu 'Anhuma bahawa nabi SAW bersabda:</p> <p>المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ، وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ</p>	14



<p><i>“Seorang muslim itu ialah seseorang yang orang Islam lain selamat daripada (kejahatan) lidah dan tangannya. Dan seorang yang berhijrah itu ialah seseorang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p> <p>Hadirin sekalian,</p>	15
<p>Semangat Hijrah Nabi Muhammad SAW wajar diambil pedoman dalam situasi berhadapan wabak Covid-19 sekarang ini. Hijrah mengajar umatnya agar sentiasa bersiap siaga dan berusaha dalam memastikan setiap matlamat dapat dicapai dengan jayanya disamping berdoa dan bertawakal. Bukan itu saja kesukaran hidup kesan wabak telah dirasai dan memerlukan motivasi dan semangat juang yang tinggi. Saat ini betapa pentingnya semangat Muhajirin dan Ansar wajar dipraktikkan oleh kita semua dalam usaha mebantu saudara-saudara kita yang hilang mata pencarian mereka akibat wabak yang telah melanda. Kesukaran hidup mengingatkan kita bahawa peristiwa hijrah mengajar umatnya sentiasa menyerahkan segala daya usaha hanya kerana Allah. Semoga tahun baru hijrah yang disambut ini memberi nilai dan kekuatan kepada kita dalam menempuh cabaran yang mendatang.</p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	16
<p>Mengakhiri khutbah kita pada kali ini maka beberapa perkara penting yang mesti difahami antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa hijrah Nabi Muhammad SAW adalah perintah daripada Allah SWT.2. Umat Islam hendaklah memastikan setiap hijrah ke arah kebaikan didahului dengan perancangan yang rapi.3. Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha untuk berhijrah ke arah yang lebih baik bagi mendapat ganjaran dan keredaan Allah SWT.	17



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ يُخْرِجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ۝</p>	18
<p><i>“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Nisa’ : 100).</i></p>	19
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	24



KHUTBAH KEDUA

<p>اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.</p>	1
<p>اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ ۚ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.</p>	2
<p>اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ، اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.</p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا اِلهَ اِلَّا اللّٰهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
9	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج
10	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
11	Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.
12	اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.
13	رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلْيَذْكُرُوا اللَّهِ أَكْبَرَ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15